

Cadang mansuh SST


Pakar ekonomi dakwa SST banyak kekurangan, perlu diganti dengan sistem cukai pintar

SYAHIDATUL AKMAL DUNYA

BANGI

Kerajaan harus menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang dilaksanakan sejak 1 September tahun lalu kepada sistem percukaian pintar.

Bekas ahli Majlis Penasihat Kerajaan, Profesor Dr Jomo Kwame Sundaram ketika mengutarakan cadangan itu berkata, masa semakin suntuk untuk kerajaan mengubah sistem percukaian negara ketika sesi pembentangan Belanja-



JOMO KWAME SUNDARAM

wan 2020 pada 11 Oktober ini. Menurutnya, peralihan kaedah penjanaian pendapatan untuk negara wajar bersandarkan sistem percukaian pintar yang berteraskan model lebih progresif.

"Saya terus membantah GST (Cukai Barang dan Perkhidmatan), tapi saya rasa SST sendiri banyak kekurangan



Cukai SST diperkenalkan kerajaan pada 1 September 2018 bagi menggantikan GST.



dan ia patut digantikan dengan sistem percukaian pintar.

"Bagaimanapun masa sudah suntuk dan saya rasa tiada guna untuk saya komen lebih daripada itu," katanya selepas menyampaikan ucapan sempena Syarahan Canselor Tuanku Muhriz Keempat di Universiti Kebangsaan Malay-

sia di sini semalam.

Turut berkenan berangkat pada syarahan itu, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Pakar ekonomi itu turut menegaskan, penolakannya terhadap GST dan SST kerana kedua-dua sistem percukaian itu bersandarkan kadar penggunaan serta tidak progresif.

"Untuk merangka sistem percukaian progresif bukan tugas mudah, namun ada banyak pemikiran baharu mengenai sistem percukaian di pentas antarabangsa ketika ini.

"Ramai yang fikirkan (kaedah dan mekanisme percukaian pintar ini) tetapi untuk saya ini (GST serta SST yang tidak progresif) bukan caranya," katanya.



SST

- Dilaksanakan sejak tahun 1970-an
- Dimansuhkan pada tahun 2015
- Diperkenalkan semula pada 1 September 2018
- Kadar 10 peratus cukai untuk jualan dan enam peratus untuk perkhidmatan
- Kerajaan sasarkan dapat mengutip sebanyak RM21 billion

GST

- Diperkenalkan pada 1 April 2015
- Kadar standard untuk GST adalah enam peratus dan ia dikumpulkan pada setiap peringkat rantaian bekalan
- Kerajaan telah mengutip RM44 billion pada tahun 2017
- Lebih 160 negara menggunakan sistem GST
- Berdasarkan rekod Pertubuhan Bangsa-Bangsa pada tahun 2017 hanya 19 negara belum mengamalkan GST